

Analisis Kajian Literatur Uruf Dalam Penetapan Zakat Perhiasan Emas
Analysis of Literature on Urf in the Determination of Zakat on Gold Jewellery

Muhamad Azizi Fauzi & Shofian Ahmad✉

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini meneliti aplikasi konsep uruf dalam penetapan kewajipan zakat perhiasan emas dengan memfokuskan Negeri Kelantan sebagai kajian kes. Zakat merupakan instrumen utama dalam sistem ekonomi Islam, namun hukum zakat ke atas emas perhiasan masih diperdebatkan dalam kalangan fuqaha berikutan ketiadaan dalil qat'ie yang menetapkannya secara jelas. Di Malaysia, penentuan kewajipan zakat perhiasan emas lazimnya berasaskan konsep uruf atau kebiasaan masyarakat setempat yang ditentukan oleh pihak berkuasa agama negeri. Pendekatan ini telah mewujudkan perbezaan dalam penetapan had zakat antara negeri, sekali gus mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis konsep dan peranan uruf dalam penetapan zakat perhiasan emas menurut perspektif fuqaha dan hukum Islam, menilai amalan semasa serta panduan rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), dan menghuraikan kaedah penggunaan uruf dalam menentukan kewajipan zakat perhiasan emas di negeri tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes melalui analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur dengan informan berautoriti dalam bidang fiqh zakat dan pentadbiran agama di Kelantan. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik secara induktif. Dapatan kajian diharapkan dapat memperjelaskan asas penggunaan uruf, mengurangkan kekeliruan masyarakat serta menyumbang kepada penambahbaikan pelaksanaan zakat selaras dengan prinsip keadilan dan maqasid syariah.

KATA KUNCI

Uruf, Zakat, Emas Perhiasan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Pelaksanaan

ABSTRACT

This study examines the application of the concept of urf in determining the obligation of zakat on gold jewellery, focusing on Kelantan as a case study. Zakat is a fundamental instrument in the Islamic economic system however, the ruling on zakat for gold jewellery remains a subject of debate among Muslim jurists due to the absence of explicit and definitive textual evidence. In Malaysia, the determination of zakat on gold jewellery is based on urf, or local custom, as established by state religious authorities. This approach has resulted in differences in Zakat thresholds between states, thereby contributing to public confusion. Accordingly, this study aims to analyze the concept and role of urf in the determination of zakat on gold jewellery from the perspectives of Islamic jurisprudence, to examine current practices and official guidelines issued by the Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), and to elucidate the method of applying urf in determining zakat obligations in the state. This research adopts a qualitative case study approach, employing document analysis and semi-structured interviews with authoritative informants in the fields of fiqh and zakat administration in Kelantan. Data is analyzed using inductive thematic analysis. The findings are expected to clarify the application of urf, reduce public confusion, and contribute to the improvement of zakat implementation in accordance with the principles of justice and the objectives of Shariah (maqasid al-shariah).

KEYWORDS

Urf, Zakat, Gold Jewellery, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Implementation.

Article History

Received: Jan 5, 2026
Revised: Jan 22, 2026
Accepted: Jun 3, 2026
Published: Jun 3, 2026

✉ Contact

Shofian Ahmad
(Corresponding Author)
shofian@ukm.edu.my

Citation

Muhamad Azizi Fauzi & Shofian Ahmad. 2026. Analisis Kajian Literatur Uruf Dalam Penetapan Zakat Perhiasan Emas. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 11(1): 68-75

Copyright

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Islam merupakan suatu sistem kehidupan yang bersifat menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk bidang ekonomi dan kewangan. Dalam konteks ini, zakat berperanan sebagai salah satu instrumen penting yang bukan sahaja berfungsi sebagai kewajipan ibadah, malah berupaya menyumbang kepada kesejahteraan sosioekonomi masyarakat serta pengagihan kekayaan yang lebih adil. Kewajipan menunaikan zakat telah disepakati oleh para ulama berdasarkan dalil al-Quran, al-Sunnah dan ijma', dan ia wajib ditunaikan oleh setiap Muslim yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Antara bentuk zakat yang semakin mendapat perhatian pada masa kini ialah zakat ke atas emas, sama ada dalam bentuk simpanan mahupun perhiasan. Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap zakat emas seiring dengan pertambahan penggunaan emas sebagai medium simpanan dan pelaburan dalam sistem kewangan semasa. Walaupun ketetapan hukum dan kaedah pengiraan zakat bagi emas simpanan telah dijelaskan secara jelas melalui dalil syarak, isu zakat ke atas emas perhiasan masih menjadi perbincangan dalam kalangan fuqaha. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan nas yang bersifat *qat'i* berhubung kewajibannya, sekali gus membuka ruang kepada perbezaan pandangan dan ijtihad.

Dalam konteks Malaysia, penentuan kewajipan zakat emas perhiasan banyak bergantung kepada konsep uruf atau kebiasaan masyarakat setempat, yang ditetapkan melalui keputusan institusi zakat negeri dengan persetujuan mufti masing-masing. Perbezaan nilai uruf antara negeri telah mengakibatkan ketidakseragaman dalam penetapan kadar zakat emas perhiasan, sekali gus menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis konsep dan peranan uruf dalam penetapan zakat perhiasan emas menurut pandangan fuqaha dan hukum Islam, dengan memberi tumpuan khusus kepada amalan dan panduan semasa yang dilaksanakan di Negeri Kelantan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneliti secara mendalam penggunaan konsep uruf dalam penetapan zakat perhiasan emas di Negeri Kelantan. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami aplikasi uruf secara holistik melalui analisis terhadap makna, justifikasi hukum dan konteks pentadbiran zakat oleh institusi berautoriti.

Pengumpulan data dijalankan melalui dua sumber utama, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dengan informan berautoriti dalam bidang fiqh zakat dan pentadbiran agama di Kelantan. Temu bual ini bertujuan mendapatkan pandangan langsung berkaitan asas hukum, kaedah penggunaan

uruf serta cabaran pelaksanaannya dalam penetapan zakat perhiasan emas.

Sumber sekunder pula melibatkan analisis dokumen yang merangkumi kitab-kitab muktabar karya fuqaha, artikel dan jurnal akademik, buku rujukan, dokumen rasmi institusi zakat, serta sumber digital daripada laman sesawang berautoriti seperti pejabat mufti dan majlis agama Islam negeri. Sumber-sumber ini digunakan bagi memahami konsep uruf, perbincangan fiqh zakat perhiasan emas, serta amalan semasa pelaksanaannya.

Bagi tujuan analisis data, kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik secara induktif. Data daripada temu bual dan dokumen dianalisis untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan peranan uruf dalam penetapan zakat perhiasan emas, sekali gus membolehkan rumusan dibuat secara menyeluruh selaras dengan objektif kajian.

KAJIAN LITERATUR

Asas Fiqh Zakat Emas dan Kedudukan Uruf

Dalam artikel bertajuk "*Aplikasi Fiqh Zakat Emas Di Malaysia*" oleh Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohammad Mahyuddin Khalidi, Mohd Ashrof Zaki Yaakob, Mohamad Shukran Abdul Razak (2019), penulis dapati Kajian ini membincangkan kewajipan zakat ke atas emas dengan meneliti perbincangan fiqh berkaitan nisab, klasifikasi emas serta pelaksanaannya dalam konteks kontemporari, khususnya di Malaysia. Berpandukan pandangan jumhur fuqaha seperti yang dihuraikan oleh Ibn Qudamah dan al-Qaradawi, kajian ini menegaskan bahawa kewajipan zakat emas telah disepakati secara ijmak, dengan nisab emas ditetapkan sebanyak 20 *mithqal* atau bersamaan 85 gram, berasaskan perkiraan emas itu sendiri. Kajian ini turut menghuraikan perbezaan pandangan fuqaha berkaitan zakat emas perhiasan wanita, emas simpanan dan emas pelaburan, serta menjelaskan pendirian rajih yang mengecualikan zakat ke atas perhiasan wanita kecuali apabila ia disimpan atau melebihi uruf.

Selain itu, kajian ini memperincikan amalan institusi zakat di Malaysia yang mengklasifikasikan zakat emas kepada tiga kategori utama serta menunjukkan ketidakseragaman kaedah pengiraan zakat emas perhiasan antara negeri-negeri. Walaupun kajian ini berjaya menggabungkan perbincangan fiqh klasik dengan realiti pelaksanaan semasa, ia lebih bersifat deskriptif terhadap hukum dan amalan institusi tanpa menilai secara kritikal implikasi perbezaan fatwa dan cabaran penyelarasan zakat emas dalam sistem kewangan Islam kontemporari, sekali gus membuka ruang kepada kajian lanjutan yang lebih analitikal dan bersepadu.

Dalam artikel bertajuk "Kajian Naratif Zakat Emas Perhiasan (*al-huli*): Isu Percampuran Emas" oleh Syazwani Abd Rahim, Siti Noor Ain Aziz, Mohamad Zaki Razaly, Mohd Asyadi Redzuan, Aemy Aziz dan Khadijah Amira Abdul Rashid (2025),

penulis dapati kajian ini meneliti isu zakat emas perhiasan (*al-huli*) di Malaysia dengan memberi fokus kepada permasalahan pencampuran emas dan perbezaan penetapan kadar uruf antara negeri, yang membawa kepada variasi kaedah pengiraan dan kewajipan zakat. Melalui pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan dan analisis deskriptif terhadap sumber fiqh klasik, jurnal serta dalil naqli dan aqli, kajian ini mendapati bahawa amalan zakat emas perhiasan di Malaysia tidak seragam, khususnya dari segi penilaian ketulenan emas dan penggunaan uruf. Kajian ini turut menghuraikan perbezaan pandangan fuqaha, di mana mazhab Shafi'i dan Hanbali mensyaratkan ketulenan emas mencapai nisab bagi mewajibkan zakat, manakala mazhab Hanafi mengambil kira kandungan emas keseluruhan walaupun bercampur dengan logam lain.

Selain itu, kajian ini menekankan potensi penggunaan teknologi moden dalam menilai ketulenan emas bagi meningkatkan ketepatan dan keadilan pengiraan zakat, sejajar dengan keperluan tadbir urus zakat dalam era Revolusi Industri 4.0. Walaupun kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memperhalusi isu zakat emas perhiasan dari sudut fiqh dan pentadbiran, ia turut mencadangkan keperluan kajian lanjutan dan penyelarasan dasar di peringkat nasional bagi memastikan pelaksanaan zakat emas perhiasan lebih adil, relevan dan selari dengan realiti sosioekonomi masyarakat semasa.

Uruf sebagai Sumber Hukum dalam Zakat Emas Perhiasan

Dalam artikel bertajuk “Pengambilan Hukum Uruf Dalam Zakat Emas Perhiasan Negeri- Negeri Di Utara Malaysia” oleh Noraini Saro and Tutasting@Rawi Nordin (2017). Kajian ini meneliti uruf sebagai sumber hukum Islam dalam penentuan kewajipan zakat emas perhiasan di Malaysia, khususnya di negeri-negeri utara. Uruf difahami sebagai kebiasaan masyarakat yang diterima pakai selagi tidak bercanggah dengan syarak dan tidak mendatangkan kemudharatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan penetapan kadar uruf antara negeri adalah selari dengan variasi adat dan realiti sosial masyarakat setempat serta tidak menyalahi hukum syarak

Kajian ini menegaskan kepentingan penilaian uruf secara menyeluruh bagi mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan zakat emas perhiasan, khususnya dalam kalangan wanita Islam, serta mengukuhkan peranan uruf sebagai mekanisme fleksibel dalam menangani isu hukum kontemporari.

Dalam artikel bertajuk “Perbedaan Pemakaian Uruf Zakat Emas perhiasan (Kajian Di Selangor Dan Melaka) oleh Nor Mohd Faisal bin Md Arifin (2014), penulis mendapati kajian ini membincangkan penentuan uruf sebagai asas hukum dalam penetapan kewajipan zakat emas perhiasan dengan meneliti pandangan para ulama serta amalan semasa di negeri Melaka dan Selangor. Uruf difahami sebagai kebiasaan masyarakat yang diterima oleh syarak selagi tidak bercanggah dengan nas dan tidak

mendatangkan kemudharatan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti ulama mazhab al-Shafi'i, yang menjadi pegangan utama umat Islam di Malaysia, berpendapat zakat tidak diwajibkan ke atas emas perhiasan yang dipakai oleh wanita, namun keharusan tersebut terikat dengan kadar tertentu yang ditentukan berdasarkan uruf semasa. Perbezaan ketara kadar uruf antara negeri, khususnya antara Melaka dan Selangor, mencerminkan variasi status sosial, budaya pemakaian dan realiti ekonomi masyarakat setempat. Kajian ini menegaskan bahawa penentuan uruf perlu dilakukan secara berhati-hati dan dinamik selaras dengan perubahan masa dan taraf hidup masyarakat bagi memastikan pelaksanaan zakat emas perhiasan kekal adil, relevan dan tidak menimbulkan kekeliruan, di samping mengukuhkan prinsip *al-'adatu muhakkamah* sebagai mekanisme fleksibel dalam hukum Islam.

Ketidakteraturan Penetapan Uruf dan Pentadbiran Zakat

Dalam artikel bertajuk “Cadangan Penyetaraan Ukuran Nisab Zakat Emas Perhiasan Di Malaysia” oleh Muhammad Norshah Rosle, Mohd Ali Mohd Noor, Hairunnizam Wahid (2019), penulis dapati kajian ini membincangkan isu ketidakseragaman pelaksanaan zakat emas perhiasan di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada perbezaan penentuan uruf, kadar zakat dan kaedah pengiraan antara negeri-negeri.

Kajian ini berpandukan perbahasan fiqh klasik berkaitan zakat emas perhiasan serta mengaitkannya dengan amalan institusi zakat semasa, khususnya dalam konteks pentadbiran zakat yang berasaskan fatwa negeri. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian perpustakaan dan analisis dokumen, penulis mendapati bahawa perbezaan penetapan uruf dan harga emas semasa telah menyumbang kepada ketidakselarasan pelaksanaan zakat emas perhiasan, sekali gus menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam. Kajian ini mencadangkan keperluan penyetaraan kaedah pengiraan zakat emas perhiasan di peringkat negara Malaysia bagi menjamin keadilan, keseragaman dan kefahaman masyarakat terhadap kewajipan zakat. Walaupun kajian ini berjaya menonjolkan kepentingan penyelarasan dasar zakat emas perhiasan, perbincangannya lebih tertumpu kepada aspek pentadbiran dan fatwa negeri tanpa mengupas secara mendalam implikasi fiqh perbandingan antara mazhab serta kesan sosioekonomi terhadap pematuhan zakat dalam kalangan pembayar zakat.

Dalam artikel bertajuk “Amalan Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas Perhiasan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor” oleh Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman dan Muhammad Ikhlas Rosele (2018), penulis mendapati kajian ini meneliti penentuan kadar uruf pemakaian

emas perhiasan sebagai asas kewajipan zakat di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada amalan di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua negeri telah menjalankan kajian lapangan menggunakan kaedah soal selidik bagi menentukan kadar uruf pemakaian emas perhiasan, namun wujud perbezaan dari segi ketepatan metodologi yang digunakan. Kajian di Selangor didapati lebih menumpukan kepada jumlah pemilikan emas berbanding kadar pemakaian sebenar, sedangkan pemilikan tidak semestinya mencerminkan corak pemakaian yang menjadi asas kepada penentuan uruf. Sebaliknya, kajian di Wilayah Persekutuan lebih jelas menilai aspek pemakaian, namun tempoh kajian yang terlalu lama tanpa penilaian semula menimbulkan isu kesesuaian dengan realiti semasa. Kajian ini menegaskan bahawa sifat uruf yang dinamik menuntut penilaian semula secara berkala serta pengambilan kira elemen sosioekonomi dan corak pemakaian masyarakat bagi memastikan penentuan kadar uruf kekal relevan, adil dan selari dengan prinsip keadilan hukum Islam.

Amalan Pemakaian Emas dan Realiti Sosioekonomi Setempat

Dalam artikel bertajuk “Pelaksanaan Kutipan Zakat Emas: Amalan Dan Pelaksanaan Institusi Zakat Malaysia” kajian oleh Hairulfazli Mohammad Som dan Muhsin Nor Paizin (2019), penulis melihat kajian ini menumpukan kepada pengurusan dan pelaksanaan zakat emas dalam konteks perubahan fungsi emas sebagai perhiasan, simpanan dan instrumen pelaburan moden, khususnya melalui pendekatan institusi zakat di Malaysia. Berbeza daripada kajian yang hanya meneliti aspek hukum zakat emas secara normatif, kajian ini menonjolkan cabaran praktikal dalam pengiraan zakat akibat kepelbagaian kaedah penilaian, perbezaan kadar uruf antara negeri serta variasi bentuk pemilikan emas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepelbagaian amalan pengiraan zakat mencerminkan fleksibiliti institusi zakat dalam menyesuaikan prinsip syariah dengan realiti masyarakat setempat, namun pada masa yang sama menimbulkan keperluan kepada kefahaman yang lebih jelas dalam kalangan pembayar zakat. Kajian ini juga menggariskan keperluan penggunaan teknologi pengesanan komposisi emas bagi meningkatkan ketepatan penilaian, terutamanya bagi emas perhiasan dan pelaburan, sebagai satu dimensi pengurusan zakat yang masih kurang dibincangkan dalam kajian terdahulu. Justeru, sumbangan utama kajian ini terletak pada penekanan terhadap aspek teknikal dan pengurusan zakat emas yang bersifat aplikatif, sekali gus membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan dalam penyelarasan amalan zakat emas selaras dengan perkembangan semasa.

Dalam artikel bertajuk “Penggayaan Emas Perhiasan dalam Majlis Keraian: Implikasi Uruf Zakat di Kelantan oleh Mohd Azhar Abdullah, Marina

Muhammad Razaki, Nurul Akma Mohamed, Nik Adlin Nazrin Nik Mohd Adib dan Lokmal Hakim Che Hassan (2025), penulis mendapati kajian ini memberi sumbangan signifikan kepada literatur zakat emas perhiasan dengan memfokuskan konteks sosio-budaya wanita Kelantan, di mana pemakaian emas bukan sekadar perhiasan tetapi juga berfungsi sebagai aset simpanan jangka panjang. Berbeza daripada kajian terdahulu yang menekankan perbincangan hukum secara umum atau perbandingan antara negeri, kajian ini menggunakan pendekatan empirik berasaskan data lapangan bagi menilai realiti sebenar pemakaian emas perhiasan semasa majlis keraian. Melalui penglibatan peniaga emas berpengalaman sebagai informan utama, kajian ini berjaya mengenal pasti corak pemakaian yang konsisten antara kategori gaya hidup sederhana dan mewah, seterusnya menyediakan asas kuantitatif dalam penentuan uruf setempat. Dapatan yang menunjukkan bahawa majoriti wanita memakai emas di bawah 500 gram, manakala hanya sebahagian kecil melebihi had tersebut, membuktikan bahawa ambang 501 gram boleh dianggap sebagai lebihan (*israf*) menurut norma masyarakat Kelantan. Justeru, kajian ini menonjolkan kepentingan metodologi penyelidikan berasaskan data tempatan dalam penetapan kadar uruf zakat emas perhiasan, sekali gus mengisi jurang kajian berkaitan justifikasi empirik terhadap ketidakseragaman nisab antara negeri serta menyokong peranan institusi berautoriti seperti MAIK dalam merangka dasar zakat yang lebih adil dan realistik.

Dalam artikel bertajuk “Penetapan Uruf Zakat Emas Perhiasan Dan Amalan Pemakaiannya Dalam Kalangan Wanita Islam Di Negeri Kedah” oleh Mardzelah binti Makhsina, Azizah binti Othman dan Mohamad Fadhli bin Ilias (2021), penulis mendapati Kajian ini meneliti peranan uruf sebagai asas penentuan kewajipan zakat emas perhiasan di Negeri Kedah dalam konteks realiti sosial dan ekonomi semasa. Uruf difahami sebagai kebiasaan masyarakat yang diterima oleh syarak selagi tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam dan tidak mendatangkan kemudharatan, justeru ia berfungsi sebagai mekanisme penting dalam menangani isu hukum yang tiada nas *qat'i*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penetapan kadar uruf sebanyak 170 gram di Negeri Kedah masih bersesuaian dengan corak pemakaian emas wanita Islam setempat, memandangkan majoriti responden memiliki emas dalam jumlah yang rendah. Walau bagaimanapun, perbezaan kadar uruf antara negeri seperti Selangor dan Johor mencerminkan variasi adat, tahap sosioekonomi dan amalan masyarakat yang berbeza, sekali gus menegaskan fleksibiliti uruf sebagai sumber hukum. Kajian ini turut menekankan bahawa penilaian semula kadar uruf wajar dipertimbangkan secara berkala selaras dengan perubahan harga emas dan keadaan ekonomi bagi memastikan pelaksanaan zakat emas perhiasan kekal relevan, adil dan mampu meningkatkan kesedaran serta pematuhan masyarakat terhadap kewajipan zakat.

Dalam artikel bertajuk "Pemakaian Emas Perhiasan Dan Amalan Berzakat Dalam Kalangan Wanita Islam Negeri Pulau Pinang" oleh Jasni Sulong, Mohd Marbawi Taha dan Roshaimizam Suhaimi (2025), penulis mendapati kajian ini meneliti amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam di Pulau Pinang serta implikasinya terhadap penetapan kadar uruf zakat emas perhiasan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa corak pemakaian emas perhiasan dipengaruhi oleh faktor budaya, usia, taraf hidup dan sosioekonomi masyarakat setempat, justeru menuntut penetapan kadar uruf yang selari dengan realiti semasa. Kajian kuantitatif terhadap wanita Islam di Pulau Pinang mendapati majoriti responden memakai emas perhiasan dalam lingkungan 200 hingga 250 gram dan menunjukkan tahap kepatuhan yang tinggi terhadap pembayaran zakat kepada institusi zakat negeri. Hasil kajian ini telah mendorong Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang untuk menyemak dan mengubah kadar nisab zakat emas perhiasan daripada 165 gram kepada 250 gram. Kajian ini menegaskan bahawa perubahan keadaan sosioekonomi masyarakat memberi kesan langsung terhadap penentuan uruf, sekali gus mengukuhkan prinsip bahawa hukum yang bersandarkan uruf bersifat dinamik dan perlu dinilai semula secara berkala bagi memastikan keadilan serta keberkesanan pelaksanaan zakat.

DAPATAN KAJIAN

Konsep Dan Kedudukan Uruf Dalam Hukum Islam

Uruf ialah istilah dalam usul al-fiqh yang merujuk kepada kebiasaan atau adat yang berlaku dalam sesebuah masyarakat yang telah diterima secara meluas dan tidak bertentangan dengan hukum syarak. Ia melibatkan amalan dan tingkah laku yang telah menjadi kebiasaan komuniti sehingga difahami sebagai sesuatu yang "biasa" atau "diterima umum". Dari segi bahasa, uruf bermaksud ikut-ikutan atau menurut. Uruf juga adalah sesuatu yang diketahui oleh manusia dan menjadikan sesuatu itu sebagai tatacara kehidupan. (Abd al-Wahab Khalaf, t.th.) Menurut (Sheikh Wahbah al Zuhaili 1999), uruf diertikan dengan apa saja yang menjadi kebiasaan manusia (masyarakat), setelah itu, mereka berjalan di atasnya (menjadi amalan mereka) melalui perbuatan (tindakan atau pergerakan) yang masyhur dan makruf di kalangan mereka. Dan ia juga memberi maksud lafaz atau perkataan tertentu yang hanya mereka mengetahuinya antara satu sama lain terhadap makna-makna sesuatu perkara yang-khusus tentang hal ehwal mereka, dan ia merangkumi uruf *qawli* dan *'amali*.

Berdasarkan pengertian di atas, dapat difahami uruf merupakan kebiasaan masyarakat yang diterima secara umum dan tidak bercanggah dengan syarak, sama ada dalam bentuk perbuatan atau penggunaan lafaz, serta berperanan penting sebagai asas pertimbangan dalam penentuan hukum Islam.

Mengikut perspektif hukum dalam Islam pula, uruf menjadi salah satu asas penting dalam penentuan dan pembinaan hukum Islam kerana ia mengambil kira kebiasaan serta nilai-nilai semasa yang diamalkan oleh masyarakat setempat. (Abdul Karim Ali 1996).

Menurut Wan Zulkifli Wan Hasan (2009), semua sumber dalam sistem perundangan Islam, sama ada sumber utama seperti al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas, mahupun sumber sampingan seperti istihsan dan lain-lain, telah menjadikan hukum Islam bersifat fleksibel dan sesuai diamalkan dalam pelbagai keadaan. Menurut Wan Zulkifli lagi, uruf merupakan sumber yang amat sesuai untuk diambil kira sekiranya berlaku perubahan masa, suasana dan keadaan. Uruf mempunyai nilai-nilai fleksibiliti kerana memainkan peranan yang penting dalam menafsirkan nas-nas hukum, menghasilkan hukum baharu serta mengubah hukum-hukum terdahulu yang tidak lagi sesuai dengan keadaan dan realiti semasa.

Dalam penyelidikan hukum Islam semasa, uruf dan masalah merupakan antara sumber subsidiari untuk memahami sesuatu hukum (Mahmood Zuhdi Ab. Majid 1997). Selepas sumber utama iaitu al-Quran dan sunnah. Dengan mengambil kira skop uruf sebagai sumber yang sangat rapat dan berkait secara langsung dengan keadaan semasa dan setempat (al-Jizani 2010) sememangnya sumber ini telah diperakui kebanyakan ulama berkenaan pengaruh dan kedudukannya dalam pembinaan hukum semasa. Abd al-Karim al-Khatib (1984) menyebutkan wajib bagi mujtahid meraikan uruf dalam berijtihad.

Menurut kajian oleh Noraini Saro dan Tutasting@Rawi Nordin dengan judul "Pengambilan hukum uruf dalam zakat emas perhiasan negeri-negeri di utara Malaysia". Dapat dirumuskan bahawa, pengambilan uruf sebagai salah satu sumber hukum Islam, yang mana ia dapat merungkai persoalan-persoalan semasa dalam kalangan masyarakat Islam, yang tiada dalam nas al-Quran, al-Sunnah dan Ijma ulama. Sebagaimana penetapan uruf zakat emas perhiasan di Malaysia, ianya berbeza-beza mengikut kesesuaian, serta keadaan masyarakat di sesebuah negeri tersebut dan ianya tidak melanggar hukum syarak. Penetapan uruf ini yang berbeza-beza ini adalah mengikut cara atau penggunaan sesuatu perkara yang telah menjadi kebiasaan pada masyarakat tanpa membahayakan atau menyukarkan masyarakat setempat (Saro & Nordin 2017).

Kedudukan Uruf Dan Zakat Emas Perhiasan

Dalam perbahasan fiqh zakat, isu zakat emas perhiasan merupakan antara permasalahan yang tidak mempunyai ketetapan nas yang jelas dan terperinci. Berbeza dengan zakat emas simpanan yang telah ditentukan nisab dan kadar kewajibannya secara jelas melalui hadis Nabi SAW, zakat emas perhiasan menjadi medan ijtihad para fuqaha. Oleh yang demikian, uruf memainkan peranan penting sebagai asas pertimbangan hukum dalam menentukan sama

ada emas perhiasan tersebut wajib dizakatkan atau sebaliknya.

Dari sudut usul al-fiqh, uruf diiktiraf sebagai sumber hukum subsidiari yang boleh dijadikan sandaran dalam penentuan hukum apabila tiada dalil *qat'i* yang khusus. Dalam konteks zakat emas perhiasan, uruf digunakan untuk menentukan kadar kebiasaan pemakaian emas dalam sesebuah masyarakat. Sekiranya pemilikan dan pemakaian emas tersebut berada dalam lingkungan kebiasaan yang diterima umum, maka ia dianggap sebagai keperluan atau perhiasan yang tidak dikenakan zakat. Sebaliknya, jika pemakaian emas itu melebihi tahap kebiasaan masyarakat setempat, ia boleh dikategorikan sebagai harta lebihan yang wajar dikenakan zakat.

Kedudukan uruf dalam isu zakat emas perhiasan turut disokong oleh pandangan majoriti fuqaha, khususnya dalam mazhab Shafi'i, yang berpandangan bahawa emas perhiasan yang dipakai tidak diwajibkan zakat selagi tidak melampaui kebiasaan. Pandangan ini menunjukkan bahawa uruf bukan sahaja berfungsi sebagai pelengkap kepada nas, malah menjadi mekanisme praktikal dalam memastikan hukum zakat diaplikasikan secara adil dan realistik. Pendekatan ini juga selari dengan prinsip maqasid syariah yang menekankan keadilan, kemudahan dan penghindaran kesukaran terhadap umat Islam.

Dalam konteks semasa, khususnya di Malaysia, uruf telah diaplikasikan secara meluas oleh institusi zakat negeri dalam menentukan kewajipan zakat emas perhiasan. Walaupun terdapat perbezaan dalam penetapan kadar uruf antara negeri, penggunaan uruf ini mencerminkan pengiktirafan terhadap kepelbagaian budaya, corak pemakaian dan keadaan sosioekonomi masyarakat setempat. Justeru, kedudukan uruf dalam penentuan zakat emas perhiasan bukan sahaja relevan dari sudut teori fiqh, malah signifikan dalam pelaksanaan praktikal zakat di peringkat pentadbiran.

Secara keseluruhannya, uruf mempunyai kedudukan yang kukuh dalam penetapan hukum zakat emas perhiasan kerana ia berperanan menjelaskan batas kebiasaan antara keperluan dan lebihan harta. Penggunaan uruf sebagai asas penentuan hukum ini membuktikan bahawa syariah Islam bersifat dinamik dan mampu menyesuaikan hukum dengan realiti kehidupan masyarakat tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asas hukum Islam.

Implikasi Kerangka Uruf Terhadap Tadbir Urus Dan Pelaksanaan Zakat

Penggunaan uruf sebagai asas penentuan kewajipan zakat emas perhiasan membawa implikasi yang luas dan signifikan terhadap aspek tadbir urus, keadilan sosial, kefahaman masyarakat dan keberkesanan pelaksanaan zakat, khususnya di peringkat institusi zakat negeri. Konsep uruf diiktiraf dalam usul al-fiqh sebagai sumber hukum subsidiari yang membolehkan penyesuaian hukum dengan realiti masyarakat selagi

tidak bercanggah dengan prinsip syarak. Istilah ini meliputi kebiasaan dan amalan masyarakat yang diterima umum dan menjadi rujukan dalam ijtihad halal/haram sesuatu amalan, termasuk penentuan ambang zakat (Saro & Nordin 2017).

Dari sudut tadbir urus, penggunaan uruf memberi ruang kepada institusi zakat untuk merangka dasar dan fatwa berasaskan kebiasaan dan realiti sosioekonomi masyarakat setempat. Ini dapat dilihat dalam amalan beberapa negeri di Malaysia yang menetapkan kadar uruf berbeza bagi zakat emas perhiasan mengikut corak pemakaian setempat (Norshah et al, 2019). Namun, ketidakseragaman kadar uruf antara negeri menimbulkan persoalan keadilan dan kefahaman masyarakat terhadap kewajipan zakat yang perlu dihadapi. Menurut Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman dan Muhammad Ikhlas Rosele (2018), perbezaan ini bukan sahaja berpunca daripada faktor budaya, tetapi juga tahap ekonomi dan metodologi kajian lapangan yang tidak seragam.

Selain itu, kegagalan menyemak semula kadar uruf secara berkala boleh menyebabkan penetapan zakat menjadi tidak relevan dengan realiti semasa, terutamanya apabila corak pemakaian emas perhiasan berubah mengikut trend dan gaya hidup moden. Trend pemakaian yang lebih minimalis, perubahan harga emas dan perkembangan sosioekonomi menunjukkan bahawa kadar uruf yang ditetapkan beberapa dekad lalu mungkin tidak sesuai untuk keadaan semasa.

Dari aspek kefahaman masyarakat pula, penggunaan uruf yang jelas dan disokong oleh data lapangan meningkatkan keyakinan ramai terhadap keputusan institusi zakat. Apabila masyarakat memahami bahawa kadar zakat emas perhiasan ditetapkan berdasarkan kajian uruf yang berasaskan realiti dan bukti lapangan, aspek pematuhan terhadap kewajipan zakat dijangka meningkat, sekaligus menyumbang kepada keberkesanan kutipan dan pengagihan zakat (Hairulfazli & Muhsin 2019).

Dalam konteks Negeri Kelantan, implikasi kerangka ini menuntut agar MAIK (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan) sentiasa menilai semula kadar uruf melalui pendekatan berasaskan data empirikal dan kajian lapangan, mengambil kira pandangan fuqaha, realiti sosioekonomi dan budaya pemakaian emas setempat agar keputusan yang dibuat lebih sesuai, adil dan diterima masyarakat.

Secara keseluruhannya, kerangka uruf mempunyai implikasi langsung terhadap kualiti tadbir urus dan keberkesanan pelaksanaan zakat emas perhiasan. Penggunaan uruf yang bersifat dinamik, berasaskan data, dan disemak secara berkala merupakan keperluan penting bagi memastikan sistem zakat terus relevan, diyakini oleh masyarakat dan berfungsi sebagai instrumen ekonomi Islam yang berkesan.

RUMUSAN KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan keseluruhan kajian literatur yang dibincangkan, jelas menunjukkan bahawa konsep 'uruf memainkan peranan yang signifikan dalam penentuan kewajipan zakat emas perhiasan wanita. Pelbagai kajian terdahulu menegaskan bahawa uruf difahami sebagai kebiasaan masyarakat yang diterima pakai selagi tidak bercanggah dengan syarak dan tidak mendatangkan kemudaratan. Justeru, uruf berfungsi sebagai mekanisme penting dalam menangani isu zakat emas perhiasan yang tidak mempunyai nas qat'i yang jelas, serta membolehkan hukum diaplikasikan secara fleksibel selaras dengan realiti sosial dan ekonomi semasa. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas turut mendedahkan beberapa isu dan cabaran utama dalam pelaksanaan uruf zakat emas perhiasan di Malaysia. Antaranya ialah ketidakseragaman kadar 'uruf antara negeri-negeri, yang ditetapkan berdasarkan adat, corak pemakaian, tahap sosioekonomi serta pendekatan metodologi kajian yang berbeza. Perbezaan ini, seperti yang ditunjukkan dalam kajian di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Johor dan negeri-negeri lain, menggambarkan bahawa penetapan uruf adalah sangat bergantung kepada konteks setempat, namun pada masa yang sama berpotensi menimbulkan kekeliruan dan persoalan keadilan dalam pelaksanaan zakat.

Selain itu, beberapa kajian turut menegaskan bahawa perubahan trend pemakaian emas perhiasan wanita, yang dipengaruhi oleh faktor budaya, usia, gaya hidup dan keadaan ekonomi, menuntut agar kadar uruf sentiasa dinilai semula secara berkala. Dapatan kajian di Pulau Pinang dan Kedah, misalnya, menunjukkan bahawa corak pemakaian emas perhiasan majoriti wanita berada dalam julat tertentu yang berbeza mengikut negeri, sekali gus membuktikan bahawa uruf bukan suatu ketetapan yang statik.

Kajian terdahulu juga memperlihatkan kekurangan kajian empirik yang terkini dan menyeluruh di beberapa negeri, yang menyebabkan kadar 'uruf yang diguna pakai mungkin tidak lagi mencerminkan realiti sebenar pemakaian emas perhiasan wanita semasa. Keadaan ini menimbulkan keperluan mendesak untuk menjalankan kajian lapangan yang lebih sistematik dan berasaskan data semasa bagi memastikan penetapan 'uruf kekal relevan dan adil.

Secara keseluruhannya, kajian literatur ini merumuskan bahawa pelaksanaan 'uruf dalam zakat emas perhiasan perlu bersifat dinamik, mengambil kira perubahan sosioekonomi dan corak pemakaian masyarakat, serta disokong oleh kajian empirik yang berautoriti. Penilaian semula kadar 'uruf secara berkala amat penting bagi memastikan pelaksanaan zakat emas perhiasan bukan sahaja menepati prinsip syariah, malah berupaya mencapai keadilan, masalah dan keberkesanan dalam sistem zakat Islam.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa konsep uruf mempunyai kedudukan yang kukuh dan signifikan dalam penentuan kewajipan zakat emas perhiasan wanita menurut hukum Islam. Ketiadaan nas qat'i yang jelas berhubung zakat emas perhiasan telah membuka ruang ijtihad kepada para fuqaha, sekaligus menjadikan uruf sebagai sumber hukum subsidiari yang berfungsi melengkapkan dan menjelaskan pelaksanaan hukum zakat secara praktikal dan realistik. Pengiktirafan uruf ini membuktikan bahawa syariah Islam bersifat anjal, dinamik dan mampu menyesuaikan hukum dengan perubahan masa, tempat dan keadaan masyarakat.

Dalam konteks Malaysia, penggunaan uruf oleh institusi zakat negeri mencerminkan usaha untuk menyesuaikan hukum zakat dengan realiti sosioekonomi dan budaya pemakaian emas masyarakat setempat. Namun demikian, kajian ini turut menunjukkan bahawa ketidakseragaman penetapan kadar uruf antara negeri telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat serta persoalan berkaitan keadilan dan keberkesanan pelaksanaan zakat emas perhiasan. Perbezaan ini berpunca daripada variasi adat, tahap ekonomi, corak pemakaian serta pendekatan metodologi kajian yang berbeza-beza.

Selain itu, perubahan trend pemakaian emas perhiasan wanita serta perkembangan sosioekonomi semasa menuntut agar penetapan kadar 'uruf sentiasa dinilai dan dikemaskini secara berkala. Kegagalan menyesuaikan kadar uruf dengan realiti semasa berpotensi menjejaskan prinsip masalah, keadilan dan pematuhan masyarakat terhadap kewajipan zakat. Justeru, kajian empirik yang berasaskan data tempatan dan dijalankan secara sistematik amat diperlukan bagi memastikan penetapan uruf benar-benar mencerminkan kebiasaan sebenar masyarakat.

Kesimpulannya, penggunaan uruf dalam penetapan zakat emas perhiasan bukan sahaja relevan dari sudut teori fiqh, malah penting dalam memastikan pelaksanaan zakat dilaksanakan secara adil, berkesan dan selari dengan maqasid syariah. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas terhadap peranan uruf serta menjadi rujukan kepada pihak berautoriti dalam merangka dasar zakat emas perhiasan yang lebih konsisten, responsif dan berteraskan keadilan sosial.

RUJUKAN

- Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohammad Mahyuddin Khalid, Mohd Ashrof Zaki Yaakob, Mohamad Shukran Abdul Razak. 2019. Aplikasi Fiqh Zakat Emas Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 17(2): 265-276.
- Abdul Karim Ali, 1996. Nilai-Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Penentuan Hukum: Satu Perbincangan Awal. *Jurnal Syariah*. 7(1): 97-102.
- Al-Khatib, Abd Al-Karim 1984. *Sadd Bab Al-Ijtihad*. Bayrut: Mu'assasah Al-Risalah.
- Abd Al-Wahab Khalaf. t.th.. *Ilm Usul Al-Fiqh*. Al-Qahirah: Jami'ah al-Nasr.
- Al-Jizani, Muhammad Ibn Husayn Ibn Hasan. 2010.

- Ma'alim Usul al-Fiqh 'Ind ahl al-Sunnah wa al Jama'ah*. Al-Dammam: Dar Ibn Al-Jawzi.
- Hairul Fazli Mohammad Som & Muhsin Nor Paizin. 2019. Pelaksanaan Kutipan Zakat Emas: Amalan Dan Pelaksanaan Institusi Zakat Malaysia. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*. 5: 156-168.
- Jasni Sulong, Mohd Marbawi Taha & Roshaimizam Suhaimi. 2025. Pemakaian Emas Perhiasan Dan Amalan Berzakat Dalam Kalangan Wanita Islam Negeri Pulau Pinang. *Jurnal Kajian Malaysia (Early View)*.
- Larus. 1988. *Al Mu'jam Al 'Arabi Al Asasi*. Al Munazzamah Al Arabiyyah Li Altarbiyah Wa Al Thaqafah Wa Al 'Ulum.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. 1997. *Hukum Islam Semasa Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Universiti Malaya.
- Muhammad Norshah Rosle, Mohd Ali Mohd Noor & Hairunnizam Wahid. 2019. Cadangan Penyetaraan Ukuran Nisab Zakat Emas Perhiasan Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 17(2): 309-324.
- Mohd Farhan Md. Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohamad Zaim Isamail. 2016. Rawatan Kesihatan Berasaskan Perubatan Alternatif Islam: Persepsi Masyarakat Di Malaysia. *Jurnal Rampak Serantau* 23(6): 1-30.
- Mohd Azhar Abdullah, Marina Muhammad Razaki, Nurul Akma Mohamed, Nik Adlin Nazrin Nik Mohd Adib & Lokmal Hakim Che Hassan. 2025. Pengayaan Emas Perhiasan Dalam Majlis Keraian: Implikasi Uruf Zakat Di Kelantan. *Jurnal Ilmu Wahyu* 6(2): 11-30.
- Noraini Saro & Tutasting@Rawi Nordin 2017. Pengambilan Hukum Uruf Dalam Zakat Emas Perhiasan Negeri- Negeri Di Utara Malaysia. *Proceeding of 2nd international islamic heritage conference*.
- Nor Mohd Faisal Bin Md Arifin. 2014. Perbedaan Pemakaian Uruf Zakat Emas Perhiasan Kajian Di Selangor Dan Melaka. *Al-Risalah: Forum Hukum dan Sosial Kemasyarakatan* 14(1): 132-160.
- Syazwani Abd Rahim, Siti Noor Ain Aziz, Mohamad Zaki Razaly, Mohd Asyadi Redzuan, Aemy Aziz & Khadijah Amira Abdul Rashid. 2025. Kajian Naratif Zakat Emas Perhiasan (*al-huli*): Isu Percampuran Emas. *Al-Qanatir: International of Islamic Studies* 34(1): 216-227.
- Saro, N. & Nordin, R. 2017. Pengambilan Hukum Uruf Dalam Zakat Emas Perhiasan Negeri-Negeri Di Utara Malaysia. *Proceeding of 2nd international islamic heritage conference*.
- Ummi Farahin Yasin , Noor Naemah Abdul Rahman & Muhammad Ikhlas Rosele. 2018. Amalan Penentuan Kadar Uruf Pemakaian Emas Perhiasan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Selangor. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 12(1): 89-100.
- Wan Zulkifli Wan Hasan 2009. Nilai-Nilai Fleksibiliti Dalam Sumber Perundangan Islam. *Malim, Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal Of General Studies)* 10(1): 53-72.